

07/07/2005

Samy-Akreditasi

MAJIKAN DIBERI TEMPOH SETAHUN PASTIKAN PEKERJA DAPAT AKREDITASI

KLANG, 7 Julai (Bernama) -- Para majikan sektor pembinaan diberi tempoh setahun lagi untuk memastikan semua pekerja mereka mendapat akreditasi kemahiran bagi membolehkan mereka bekerja dalam sektor itu.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata program akreditasi daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk pekerja binaan tempatan dan asing itu dilaksanakan sejak tahun lalu, tetapi masih terdapat majikan yang belum mewajibkan pekerja mereka mendapatkan pengiktirafan itu.

"Kami sudah bagi masa lama. Sekarang kami bagi lagi satu tahun untuk mereka (majikan) dapatkan butir-butir pekerja, nak tahu sama ada mereka ada pengalaman atau tidak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Kemahiran Malaysia ke-15 kategori terbuka bagi industri pembinaan di sini hari ini.

Pertandingan itu, yang diilhamkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, merupakan acara tahunan bermatlamat untuk memilih dan mengiktiraf pelatih dan pekerja mahir selain memberi kefahaman kepada masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara.

Antara kemahiran yang dipertandingkan ialah penerapan bata, penjubinan, pelepaan, pemasangan paip dan operasi kren bergerak.

Selain itu, Samy Vellu turut mengarahkan CIDB mengklafikasi kontraktor yang aktif dan tidak aktif bagi memastikan hanya kontraktor yang aktif layak menerima tawaran projek.

Beliau berkata memandangkan jumlah kontraktor di seluruh negara kini melebihi 60,000 orang, adalah penting bagi kementerian mengagih-agihkan projek pada kontraktor yang mempunyai kelayakan dan kemampuan bagi mengurangkan projek terbengkalai.

"Kami akui ada juga kontraktor yang mempunyai rekod yang baik tapi masih menghadapi masalah. Tapi kalau kontraktor itu berani menghadapi masalah tidak apa, itu yang kami mahu, bukan kontraktor yang lari dari tapak projek," tegasnya.

Katanya senarai kontraktor yang aktif itu nanti akan turut dihantar ke Kementerian Kewangan bagi memudahkan urusan pengendalian projek.

Samy Vellu juga berkata kementerian telah menyediakan satu pelan reka bentuk baru kuarters polis untuk dibentangkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Ketua Polis Negara Tan Sri Mohamed Bakri Omar dalam tempoh dua minggu lagi.

"Rekebentuk itu melibatkan 4,400 unit kuarters polis di seluruh negara dan kos pembinaan dianggarkan bernilai RM1.4 bilion," katanya.

-- BERNAMA

ASF KAY RON